



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

BANTUAN MAFI PRIHATIN KEPADA PENDUDUK SEKITAR LABUAN

LABUAN, 3 Julai 2021 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada keluarga dan penduduk di sekitar Labuan hari ini.

Penyampaian bantuan MAFI Prihatin diserahkan oleh Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid kepada Datuk Suhaili Abdul Rahman untuk diagihkan kepada penerima Program MAFI Prihatin.

Sebanyak 500 set bantuan MAFI Prihatin diserahkan oleh Pengarah FAMA Negeri Sabah, Ribin Wahid kepada Dato' Suhaili Abdul Rahman untuk diagihkan ke 27 buah kampung di seluruh Labuan antaranya Kg. Batu Arang, Kg. Batu Manikar, Kg. Bebuloh dan lain-lain.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari lepas di Wisma Tani Putrajaya oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

Sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lalu sehingga 30 Jun 2021, seramai 17,195 orang telah menerima bantuan yang terdiri daripada *frontliners*, badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di 74 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 36 metrik tan makanan telah disalurkan.

FAMA melalui MAFI Prihatin juga telah membantu 391 orang petani dan lima orang usahawan dalam memasarkan 20 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan PKP 'Total Lockdown'. FAMA bertindak memberikan khidmat nasihat kepada petani untuk menyertai program Ladang Kontrak 2.0 MAFI atau menghubungi FAMA sekiranya masalah sama berulang dan mengaturkan pasaran di outlet pemasaran FAMA.

Apabila berlakunya lebih bekalan hasil pertanian usahawan tani akan disalurkan kepada yang memerlukan melalui khidmat dan pengaturan pasaran yang dilaksanakan oleh FAMA.

Sehingga 30 Jun 2021, FAMA telah mengeluarkan sebanyak 14,961 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal (*informal*) termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada usahawan tani. Manakala, sektor pertanian *formal* yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan MITI. FAMA Negeri Sabah sendiri telah mengeluarkan 1015 surat pelepasan usahawan bagi menjalankan aktiviti pertanian.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Total Lockdown Fasa Pertama ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

#####

3 JULAI 2021

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Anzara Azizan@Halim
Pengarah Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
017-8448420 / anzara@fama.gov.my

Muhammad Firdaus Bin Kamil Hadi
Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
012-3566350 / muhammad_firdaus@fama.gov.my